



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### KENYATAAN MEDIA

#### SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 DIKEMASKINI

---

11 Mei 2021, Putrajaya – Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal YB Menteri Kanan Pertahanan Bilangan 18 Tahun 2021 yang bersidang pada 11 Mei 2021 dan dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob bersetuju meluluskan pindaan SOP Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam yang disediakan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 berkuatkuasa mulai 12 Mei sehingga 7 Jun 2021. Mesyuarat bersetuju antara lain supaya aktiviti keagamaan di rumah ibadat diperketatkan selaras dengan pelaksanaan langkah-langkah yang lebih tegas bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dalam masyarakat.

2. Syarat-syarat nyata pindaan kepada SOP Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam yang dikemaskini pada 11 Mei 2021 adalah seperti berikut:

- i. Bilangan Kehadiran Penganut adalah **tidak melebihi 50 orang bagi rumah ibadat yang boleh memuatkan lebih 1,000 orang penganut dan 20 orang bagi rumah ibadat yang boleh memuatkan kurang daripada 1,000 orang penganut.**
- ii. Tempoh waktu aktiviti keagamaan/sembahyang di rumah ibadat selain Islam adalah:
  - a) **6.00 pagi hingga 2.00 petang;** dan
  - b) **4.00 petang hingga 10.00 malam**
- iii. Kerja-kerja **sanitasi hendaklah dijalankan selama 30 minit sebelum dan selepas** aktiviti keagamaan/sembahyang dilaksanakan.

3. Pegawai-pegawai Perpaduan yang telah dilantik sebagai Pegawai Pemantau di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) akan melakukan pemantauan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

4. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique meminta supaya badan-badan pengurusan dan penganut-penganut rumah ibadat selain Islam sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan, menjaga kebersihan diri, memakai pelitup muka dan pastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

11 Mei 2021

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (67)